

Najib mohon lanjutan masa fail petisyen rayuan

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak memfailkan notis usul bagi memohon lanjutan masa dalam memfailkan petisyen rayuannya berhubung sabitan dan hukuman terhadapnya berhubung penyelewengan dana RM42 juta milik SRC International Sdn. Bhd.

Notis usul difailkan di Mahkamah Persekutuan, Putrajaya pada 11 April lalu.

Menurut notis usul tersebut, pihak pembelaan memohon lanjutan masa 14 hari bagi membolehkan mereka memfailkan Petisyen Rayuan ke Mahkamah Persekutuan iaitu selewat-lewatnya sehingga 25 April ini.

Ahli Parlimen Pekan selaku perayu sepatutnya memfailkan petisyen tersebut selewat-lewatnya pada 11 April lalu.

“Pada 31 Mac lalu, pihak-pihak berkaitan menerima sesalinan rekod rayuan daripada pihak Mahkamah Rayuan membabitkan 176 jilid kesemuanya. Saya difahamkan, menurut Kaedah 95 Kaedah-kaedah Mahkamah Persekutuan 1995, perayu perlu memfailkan petisyen rayuan dalam masa 10 hari dari tarikh penerimaan rekod rayuan.

“Adalah mustahil untuk pasukan peguam pembelaan untuk memperhalusi rekod rayuan dalam masa yang singkat.

“Selain itu, sangat mustahil bagi

Adalah mustahil untuk pasukan peguam pembelaan untuk memperhalusi rekod rayuan dalam masa yang singkat.”

NAJIB RAZAK

pihak pemohon untuk menyediakan satu Petisyen Rayuan yang lengkap dan menyeluruh bagi menangani segala isu-isu yang telah diketengahkan oleh Hakim-hakim Mahkamah Rayuan dalam alasan penghakimannya,” kata Najib dalam affidavit sokongannya bagi mengokong notis tersebut.

Kata Najib, perkara tersebut dibangkitkan pada pengurusan kes rayuan akhir tersebut pada 8 April lalu yang mana pihak pendakwaan yang dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Datuk V. Sithambaram.

“Saya sesungguhnya percaya ia adalah satu keperluan untuk mahkamah membenarkan lanjutan masa bagi kepentingan keadilan dalam keadaan ini memandangkan jumlah Rekod Rayuan yang banyak dan tebal

tersebut, pihak-pihak tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk memeriksa kesemua dokumen yang terkandung dalam masa yang singkat,” kata Najib.

Pada 28 Julai 2020, Mahkamah Tinggi di sini mensabitkan Najib bersalah atas tujuh pertuduhan membabitkan kesalahan pecah amanah, salah guna kuasa dan pengubahan wang haram berjumlah RM42 juta milik SRC International Sdn. Bhd.

Pada 8 Disember 2020, Mahkamah Rayuan mengekalkan sabitan salah serta hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta yang dikenakan ke atas Najib.

Sehari sebelum itu, mahkamah sama menolak permohonan Najib untuk memasukkan bukti dan keterangan baharu dalam rayuan kes penyelewengan dana tersebut atas alasan tiada keadaan istimewa yang membolehkan keterangan baharu itu diterima.

Bukti baharu yang cuba dimasukkan dalam rayuan tersebut membabitkan penglibatan bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar yang dikatakan bersekongkol dengan Jho Low atau Low Taek Jho bagi memudahkan ahli perniagaan dalam buruan itu untuk menyeleweng dana iMalaysia Development Berhad (IMDB) dan anak syarikatnya SRC International.